

KAJIAN KE ATAS SEDIMEN DI KAWASAN GONG BATU, SETIU DAN
PANTAI MENGABANG TELIPOT, TERENGGANU

Oleh

HUSNI ROHAIZAN BINTI HUSSAIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan
Ijazah Bacelor Sains (Sains Samudera)

Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Putra Malaysia Terengganu
Kuala Terengganu, Terengganu

2002

1100024343

Laporan projek ini hendaklah dirujuk sebagai:

H. Rohaizan, H. 2002. Kajian Sedimen di kawasan Gong Batu, Setiu dan Pantai Mengabang Telipot, Terengganu. Laporan Projek Tahun Akhir. Bachelor Sains (Sains Samudera). Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Putra Malaysia Terengganu, Terengganu. 55 ms.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain cara sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis atau Penyelia Utama penulis tersebut.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan laporan projek ini seadanya.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat semasa kajian ini dijalankan dan juga semasa penulisan laporan ini samaada secara langsung atau tidak langsung.

Pertama sekali ucapan ini saya tujukan kepada Encik Rosnan bin Yaacob selaku Penyelia Utama yang mana telah banyak memberi tunjuk ajar dan teguran yang membina di dalam menjalankan kajian dan juga dalam penulisan laporan projek ini. Tidak ketinggalan juga kepada penyelarasan projek tahun akhir iaitu Dr. Ahmad Shamsuddin Ahmad di atas segala kerjasama dan juga kesudian melayan karenah pelajar-pelajar tahun akhir.

Tidak dilupakan juga kepada para pensyarah yang telah sudi memberi teguran dan tunjuk ajar yang amat berguna, En. Kamari, En. Raja, En. Suliman dan En. Kamarun di Makmal Oseanografi, En. Subarjo, pihak pentadbiran Fakulti Sains dan Teknologi, pihak perpustakaan dan juga para pegawai di Balai Kajicuaca Kuala Terengganu di atas segala kerjasama yang telah diberikan. Hanya ucapan terima kasih yang tidak terhingga sahaja dapat saya sampaikan.

Akhir sekali untuk rakan-rakan seperjuangan, As, Eny dan pelajar Sains Samudera III, terima kasih di atas segala-galanya. Kenangan bersama kalian akan sentiasa subur di hati. Semoga kalian mendapat kejayaan seperti yang diharapkan. Insya Allah.

Tidak dilupakan juga penghargaan ini saya tujukan kepada keluarga yang berada di Pasir Mas, Kelantan yang mana telah memberi peluang, dorongan dan juga sokongan untuk saya dalam mengharungi kehidupan sebagai seorang mahasiswi.

Assalamualaikum.

09.03.02

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan di dua lokasi iaitu Gong Batu dan Pantai Mengabang Telipot, Terengganu mulai bulan Ogos sehingga Disember 2001. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti dan mengkaji sekitaran sedimen di kedua-dua lokasi kajian. Daripada analisa yang dijalankan ke atas sedimen Gong Batu didapati terdapat perubahan dalam nilai min sedimen. Sedimen dikelaskan kepada jenis pasir sederhana (1.634ϕ) di akhir kajian dengan nilai penyisihan tidak sempurna (1.137ϕ), berkepencongan sangat negatif ($- 0.415 \phi$) dan mempunyai nilai kurtosis paling leptokurtik (3.277ϕ). Di lokasi kedua iaitu Pantai Mengabang Telipot, analisa ke atas sedimen mendapati sedimen dikelaskan kepada pasir sederhana pada awal kajian tetapi berubah kepada pasir kasar (0.996ϕ) pada akhir kajian. Di akhir kajian juga didapati sedimen mempunyai nilai sisihan hampir sempurna (0.622ϕ), berkepencongan sangat positif (0.396ϕ) dan dengan nilai kurtosis paling leptokurtik (4.058ϕ). Sedimen sering mengalami perubahan dan ia adalah seiring dengan peredaran masa manakala pembinaan infrastruktur di tepi pantai boleh disifatkan menyumbang kepada pergerakan sedimen yang sedia ada. Pergerakan sedimen adalah ketara di kawasan terbuka berbanding dengan kawasan yang terlindung dengan kehadiran faktor-faktor seperti arus, angin, ombak dan pasang surut..

ABSTRACT

A studied was conducted in two different locations. First in Gong Batu and second in Pantai Mengabang Telipot, Terengganu from August till December 2001. The aim of this study is to investigate any different on sediment if they're in two locations. There are small changes in the mean value in Gong Batu. By using the mean value, the sediment was classified as the medium sand (1.634 ϕ) at the end of the study with poorly sorted (1.137 ϕ), very negatively skewed (- 0.415 ϕ) and extremely leptokurtic (3.277 ϕ) sediment. In Pantai Mengabang Telipot the result was changed from medium sand classified to coarse sand classified (0.996 ϕ) at the end of the study with moderately well sorted (0.622 ϕ), very positively skewed (0.396 ϕ) and extremely leptokurtic (4.058 ϕ). There was some changed in sediment within the time passed by. A structure near to the shore can be considered as contribution to the sediment transport that was already there. Transportation in sediment can be seen in open system compared to closed system with the present of current, wind, wave and tides.